



NEWSLETTER

INTELLIGENT DATA LOUNGE (IDL) PLATFORM PENGANALISAAN DATA MIKRO BAGI PENGHASILAN ANALISIS YANG TEPAT DAN INKLUSIF

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Intelligent Data Lounge (IDL) StatsDW® 2.0 pada 2 Disember 2022 bertempat di Intelligent Data Lounge (IDL), Aras 1, Blok C7, Kompleks C, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.

Intelligent Data Lounge (IDL) merupakan satu perkhidmatan baharu yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui platform StatsDW® 2.0 (gudang data DOSM) di bawah modul *Smart Data Communication* (SDC).

IDL juga memberi peluang kepada pengguna luar, warga agensi kerajaan lain (OGA) dan warga Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta (IPTA/ IPTS) untuk mengakses pelbagai jenis data mikro yang tersedia di DOSM dalam persekitaran yang selamat dan terkawal sebagai inisiatif untuk merealisasikan *Data-as-a-Service* (DaaS).



Pengguna juga akan diberikan kemudahan menggunakan perisian statistik R Studio, SAS Enterprise Guide (EG) dan SPSS untuk melaksanakan analisis menggunakan data yang dibekalkan.

Set data yang diberikan sebagai pemboleh ubah boleh dirujuk dalam pautan *Actionable Analytics Data Catalogue* di <https://mystatsdw.dosm.gov.my:5030/actionable-analytics>.

Antara fungsi lain IDL ini adalah seperti berikut:

- i. Analisis merentasi subjek;
- ii. *Data mining* mengikut keperluan;
- iii. Analisis hingga ke peringkat lebih terperinci; dan
- iv. *Learning and Research Centre* untuk analisis data.



Ketika ini, IDL tersedia secara fizikal di ibu pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya dan mungkin akan dikembangkan menggunakan medium yang lain pada masa akan datang. Bagi memastikan jaminan keselamatan penggunaan data, IDL dilengkapi dengan sistem pengawasan di setiap komputer bagi mengelakkan kebocoran data mikro.

Waktu operasi IDL adalah pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 10 pagi hingga 4 petang. Pengguna yang berhasrat untuk mengakses IDL perlu membuat tempahan slot melalui <https://statsdw.dosm.gov.my/services/intelligence-data-lounge> dengan cara:

- i. Klik pada tarikh dalam kalendar. 1 hari terdiri daripada 6 slot yang tersedia.
- ii. Klik temu janji dan isikan maklumat peribadi untuk membuat tempahan slot.
- iii. Tunggu kelulusan daripada Pentadbir IDL melalui emel untuk pengesahan tempahan slot.
- iv. Setelah tempahan slot disahkan, pengguna perlu hadir di premis IDL berdasarkan tempahan slot tarikh dan masa yang ditetapkan.

Diharap IDL akan memberi manfaat kepada komuniti statistik dan masyarakat dalam meningkatkan literasi statistik bagi membentuk budaya yang cakna terhadap data.

The screenshot shows the StatsDW website's "Intelligent Data Lounge" section. At the top, there is a navigation bar with links for "About us", "Services", "Media", "Links", and "Contact us". A search bar is also present. Below the navigation, the title "INTELLIGENT DATA LOUNGE" is displayed. A breadcrumb trail indicates the user is at "Home > Services > Intelligence Data Lounge".

The main content area contains information about the Intelligent Data Lounge (IDL), stating it is a facility for performing advanced analytics using either public and/or restricted data. It mentions the provision of statistical tools like R Studio or SAS Enterprise Guide. A link to the "Actionable Analytics Data Catalogue" is provided.

Instructions for booking a session are listed:

1. Click on date in the calendar. 1 day consist of 6 available slot.
2. Click book appointment and fill up name and email to received the confirmation.
3. Wait approval from IDL Admin for booking confirmation.
4. Once the booking was confirmed, user require to present at the premise based on confirmation booking date.

To the right of the text, there is a calendar for December 2022. The 12th is highlighted in blue, indicating it is the current date. A box titled "Available Appointments on 12/12/2022" shows a slot from 10:00 am - 4:00 pm as "SPACE AVAILABLE" with a green "Book Appointment" button. The rest of the days in December are shown below, with the 12th being the only one with available slots.



Pintu masuk IDL di Aras 1, Blok C7, Kompleks C,
Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya



Suasana di dalam IDL